



# PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : [www.penanghill.gov.my](http://www.penanghill.gov.my)

No. Ruj. Kami: PBBPP.UKK.100-2/1/1(20)

Tarikh: 9 Jun 2020

## KENYATAAN MEDIA

### Perkhidmatan Funikular Bukit Bendera Dibuka Semula Untuk Pengunjung Berkuatkuasa 10 Jun 2020

Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 9 Jun 2020 mengumumkan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) akan dilaksanakan di negeri ini berkuatkuasa pada 10 Jun 2020.

Selaras dengan pengumuman ini, aktiviti pelancongan domestik juga dibenarkan di bawah PKPP. Oleh itu, perkhidmatan funikular Bukit Bendera akan dibuka untuk pengunjung pada **10 Jun 2020**.

Perkhidmatan dari Stesen Bawah akan beroperasi seperti biasa bermula pada jam 6.30 pagi, dan perkhidmatan terakhir dari Stesen Atas Bukit Bendera adalah pada jam 11.00 malam.

Para pengunjung yang menggunakan perkhidmatan funikular disarankan mematuhi SOP norma baharu seperti berikut untuk memutuskan rantai penyebaran COVID-19 :

- Wajib membawa dan memakai pelitup muka (**PBBPP tidak menyediakan pelitup muka kepada pengunjung**)
- Daftar masuk melalui PGCare
- Pemeriksaan suhu badan
- Gunakan *hand sanitizer*
- Penjarakan sosial >1 meter
- Sila patuhi arahan petugas PBBPP

Untuk makluman, Astaka akan dibuka semula pada 15 Jun 2020. Sila ikuti laman Facebook rasmi PBBPP (<https://www.facebook.com/mypenanghill>) untuk maklumat lanjut.

PBBPP ingin mengucapkan terima kasih kepada semua kerana memberikan kerjasama sepenuhnya dengan mematuhi SOP norma baharu untuk mencegah penularan COVID-19. PBBPP juga mengalu-alukan kedatangan anda kembali ke Bukit Bendera.

#TAMAT#

#### Mengenai Perbadanan Bukit Bendera

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

#### Unit Komunikasi Korporat

Chris Koay  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880

[shkoay@penanghill.gov.my](mailto:shkoay@penanghill.gov.my)

Safina Ramli  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880

[safina@penanghill.gov.my](mailto:safina@penanghill.gov.my)